

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

Kluster baharu di Kuching

Kes babit syarikat kejuruteraan jangkiti dua individu

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesan satu kluster baharu di sebuah syarikat kejuruteraan di Kuching yang kini sudah menjangkiti dua individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham, berkata kes

pertama kluster berkenaan membabitkan pesakit ke-8,694, iaitu seorang pekerja di syarikat berkenaan yang mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan pada 9 Julai lalu kerana mengalami gejala pernafasan.

"Beliau didapati positif COVID-19 pada hari yang sama. Susulan itu, siasatan dan aktiviti saringan kontak rapat dijalankan."

"Setakat ini, 32 kontak rapat beliau sudah dikenal pasti dan disaring, iaitu 16 rakan sekerja dan 16 ahli keluarga," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, se-

lepas saringan COVID-19 dijalankan ke atas kontak rapat terbabit, satu kes dikesan positif, 16 kes negatif dan 15 individu masih menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan seperti proses pembersihan dan nyah kuman turut dijalankan di premis syarikat berkenaan."

"Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, kluster Depot Tahanan Imigresen (DTI) Sepang mencatatkan peningkatan kes baharu, semalam dengan lapan kes positif COVID-19.

Beliau berkata, lapan kes itu dikesan daripada saringan 115

Orang Kena Tahan (OKT).

"Ini adalah saringan ulangan, iaitu saringan kontak rapat ke atas 115 OKT yang ditempatkan di Blok C pada 10 Julai lalu dan semua kes positif kluster ini membabitkan warga asing."


"Mereka sebelum ini memang sudah diasingkan ketika dalam DTI Sepang, justeru tidak membawa risiko penularan kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata, dengan pertambahan kes positif di DTI Sepang, ia menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di depoh terbabit sebanyak 72 kes daripada 1,477 jumlah saringan dijalankan.



Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan.

Dr Noor Hisham,
Ketua Pengarah Kesihatan



Grafik BH

Jangkitan kembali 2 angka, 14 kes dilapor semalam

Putrajaya: Kes baharu positif COVID-19 kembali kepada dua angka apabila 14 kes dilaporkan semalam, membabitkan 11 kes penularan tempatan dan tiga kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, pertambahan kes positif COVID-19 itu, menjadikan jumlah kumulatif setakat ini ialah sebanyak 8,718 kes dengan 77 kebbolehjangkitan.

Beliau berkata, tiga daripada 14 kes baharu adalah kes import membabitkan warga tempatan manakala 11 kes penularan dalam negara pula, tiga adalah warga tempatan dan lapan warga asing.

Katanya, kes jangkitan dalam negara membabitkan warga tempatan merangkumi satu kes saringan prarujukan di Sabah serta dua kes di Sarawak.

Di Sarawak, katanya, membabitkan satu kes saringan bergejala di sebuah pusat perubatan di Kuching, manakala satu lagi adalah kontak rapat kes ke-8,694, iaitu sebahagian daripada kluster baharu, Kejuruteraan Kuching.

"Bagi kes penularan tempatan membabitkan warga asing pula, ia dikesan ketika saringan ulangan COVID-19 yang dijalankan di Depoh Tahanan Imigresen (DTI), Sepang," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat empat kes pulih dan dibenarkan pulang dicatatkan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 8,519 kes atau 97.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau turut memaklumkan tiada pertambahan kes kematian dicatatkan hari ini dan jumlahnya kekal 122 kes bersamaan 1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, sehingga kini, terdapat tiga kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan dua daripadanya kes memerlukan bantuan pernafasan.



Kes penularan tempatan babit warga asing ketika saringan ulangan di Depoh Tahanan Imigresen Sepang.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Dua nyawa melayang

SUV dinaiki 3 sahabat terbalik selepas rempuh pembahagi jalan

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Dua maut dan seorang cedera selepas kenderaan utiliti sukan (SUV) Nissan Murano dinaiki mereka terbalik di Kilometer 196.5 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) arah barat, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 5.05 petang, mangsa yang maut dikenali sebagai pemandu kenderaan itu, Ahmad Roshidi Halim, 51, dan penumpang belakang, Rajhan Ibrahim, 56.

Manakala seorang lagi mangsa yang cedera iaitu Mohd Wari Mat Zaki, 51, dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) untuk rawatan.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Pahang Superintendan Kamarulzaman Jusoh berkata, Ahmad Roshidi serta Rajhan dari Alor Setar, Kedah manakala Mohd Wari pula dari Kangar, Perlis dan dipercayai rakan perniagaan.



DUA maut dan seorang cedera selepas SUV dinaiki terbalik di Kilometer 196.5 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) arah barat dekat Kuantan, kelmarin.

"Kemalangan itu dipercayai berlaku apabila SUV berkenaan gagal dikawal sebelum merempuh pembahagi jalan dan terbalik.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Sementara itu,

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Anuar Hassan berkata, enam pegawai

dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tamen Tas bergegas ke lokasi kejadian

sebaik menerima panggilan kecemasan.

Menurutnya, setibanya di tempat kejadian didapati tiga lelaki terbabit dalam kemalangan itu dan dua daripadanya meninggal dunia.

"Kami membawa keluar mangsa yang maut dan diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Ketiga-tiga mangsa dipercayai rakan perniagaan

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10

#JanganPutusAsa
#Malaysia

MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM kesan kluster Kejuruteraan Kuching

Dua kes positif direkodkan di Sarawak, 32 kontak rapat daripada rakan sekerja, ahli keluarga dikenal pasti

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengesan satu kluster baharu penularan Covid-19 di Sarawak membabitkan sebuah syarikat kejuruteraan di Kuching yang dinamakan sebagai kluster Kejuruteraan Kuching.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham berkata, setakat ini, terdapat dua kes positif direkodkan

daripada kluster itu dengan kes pertama dikesan Khamis lalu.

"Kes pertama kluster ini (kes ke-8694), adalah seorang pekerja di syarikat tersebut yang telah mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan pada 9 Julai apabila beliau mengalami gejala pernafasan. Kemudian beliau didapati positif Covid-19 pada hari yang sama.

"Setakat ini seramai 32 kontak rapat telah dikenal pasti dan disaring. Mereka terdiri daripada 16 rakan sekerja dan 16 ahli keluarga," katanya.

Jelasnya, hasil aktiviti saringan, sebanyak satu kes dikesan positif Covid-19; 16 negatif dan 15 lagi masih menunggu keputusan.

Dr Noor Hisham berkata, punca jangkitan kluster itu masih disiasat manakala langkah pencegahan seperti proses pembersihan dan

nyahkuman telah dijalankan di premis syarikat tersebut.

Mengenai situasi terkini kluster Depot Tahan Imigresen (DTI), katanya, lapan kes baharu dilaporkan bagi kluster DTI Sepang, menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di DTI itu sebanyak 72 kes.

Katanya, semua kes itu dikesan hasil saringan ulangan terhadap 115 Orang Kena Tahan (OKT) yang ditempatkan di Blok C, DTI Sepang, Jumaat lalu.

"Kesemua kes positif kluster ini melibatkan bukan warganegara. Sebelum ini, kesemua mereka ditinggalkan di dalam DTI Sepang dan kini kes positif dimasukkan ke hospital untuk rawatan lanjut, justeru tiada risiko penularan kepada masyarakat," katanya. - Bernama



DR NOOR HISHAM

14 kes baharu positif

KUALA LUMPUR - Kes baharu positif Covid-19 kembali kepada dua digit apabila 14 kes dilaporkan semalam iaitu 11 kes penularan tempatan dan tiga kes import, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Susulan dengan kes terbaharu itu, katanya, jumlah kumulatif kes adalah sebanyak 8,718 kes dengan 77 kes adalah aktif kebolehhajkitan.

"Bagi kes baharu, tiga adalah kes import melibatkan warganegara Malaysia manakala daripada 11 kes penularan dalam negara pula, tiga adalah warganegara dan lapan bukan warganegara Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.


Menurutnya, kes jangkitan dalam negara membabitkan warga tempatan merangkumi satu kes saringan prarujukan di Sabah serta dua kes di Sarawak.

Sementara itu, katanya, terdapat empat kes pulih dan dibenarkan discaj menjadikan kes pulih sepenuhnya dan discaj daripada wad adalah sebanyak 8,519 kes atau 97.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, tiada kematian baharu dilaporkan, justeru, jumlah kumulatif kes maut akibat wabak itu kekal 122 kes atau 1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, sehingga kini, terdapat tiga kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan dua daripadanya kes memerlukan bantuan pernafasan. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/ NATION

**BACK ON ICE**

Sunway Pyramid ice worker Muhammad Afiq Anuar spraying 'ioniser water' on the skating rink to slow down the melting of the ice as the rink prepares for reopening. The government has allowed the reopening of entertainment centres and indoor playgrounds on July 15. PIC BY AZIAH AZMEE

NEW INFECTIONS

'Kuching engineering' cluster detected

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has detected a new Covid-19 cluster in Sarawak involving an engineering firm in Kuching.

Director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said up to noon yesterday, two confirmed cases had been identified and linked to this new cluster dubbed the Kuching engineering cluster.

"The index case of this new cluster (case 8,694) was an employee at the company, who sought treatment at a medical centre on July 9 when he experienced breathing difficulties.

"He tested positive for the virus on the same day."

Dr Noor Hisham said following the detection of the case, the ministry conducted investigations and screening activities of close contacts.

To date, he said, 32 close contacts had been identified and screened.

"They involve 16 colleagues and 16 family members. One of them tested positive, 16 returned negative and 15 are awaiting results.

"Precautionary measures, such as cleaning and disinfection of the work premises, have been conducted."

He added that the cause of this infection was still under investigation.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said a total of 14 new Covid-19 cases were recorded up to noon yesterday, bringing the overall tally to 8,718.

He said three were imported cases and 11 were locally transmitted.

"All three imported cases involved Malaysians, while the 11 locally transmitted cases involved three Malaysians (two in Sarawak and one in Sabah) and eight foreigners.

"The eight were close contacts of case 8,629 and case 8,630 at the Sepang Immigration detention centre.

"Of the two cases in Sarawak, one was detected at the Sarawak General Hospital and the other case was a close contact of case-8,694, who was part of the Kuching engineering cluster.

"The case in Sabah was detected in Hospital Keningau," he said.

As for the country's active cases, he said it now stood at 77.

He added that four more patients had recovered and were discharged from hospitals yesterday, bringing the current rate of recoveries to 8,519 (97.7 per cent of the total cases).

"Three patients are being treated in the intensive care unit and two of them have been placed on

ventilator support.

"No fatalities from the virus were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre up to noon today (yesterday), keeping the death toll at 122 (1.39 per cent of the total cases)."

Dr Noor Hisham also said eight out of the 115 detainees at the Sepang Immigration detention depot had tested positive for Covid-19 up to noon yesterday, following the second screening done before their deportation.

To date, a total of 1,477 individuals had been screened for Covid-19 at the Sepang Immigration detention depot. Seventy-two positive cases had been identified.

"This is a repeat screening of close contact screening done on 115 detainees placed in Block C on July 10. All the positive cases of this cluster involved foreigners.

"They have previously been isolated in the detention centre and positive cases have been admitted to hospital for further treatment, thus this does not bring the risk of transmission to the community."

On the Bukit Jalil Immigration detention depot active cluster, he said 1,661 people had been screened, 649 of which tested positive and 1,012 tested negative.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally

(As of 7pm July 12, 2020)

						New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered	
Malaysia						14		8,718		122		8,519	
Asean+	China	Indonesia	Philippines	Singapore	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Cambodia	Brunei	Laos	
Confirmed cases	83,594	75,699	54,222	45,961	21,129	13,417	3,217	370	330	156	141	19	
Deaths	4,634	3,606	1,372	26	982	289	58	0	6	0	3	0	
Recovered	78,634	35,638	14,037	42,026	17,849	12,178	3,088	350	260	133	138	19	
Global Top 10	US	Brazil	India	Russia	Peru	Chile	Spain	Mexico	UK	South Africa			
Confirmed cases	3,355,781	1,840,812	851,261	727,162	322,710	312,029	300,988	295,268	288,953	264,184			
Deaths	137,403	71,492	22,696	11,335	11,682	6,881	28,403	34,730	44,798	3,971			
Recovered	1,490,542	1,213,512	536,544	501,061	214,152	281,114	N/A	180,852	N/A	127,715			

'Kuching engineering cluster' detected

Company's premises disinfected after a worker and close contact test positive

PETALING JAYA: A new Covid-19 cluster, dubbed "Kuching engineering cluster", has emerged in Sarawak, says Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"There have been two cases reported from this cluster."

"The first involved a worker of the company who was treated at a medical facility on July 9 after showing breathing symptoms."

"He was tested positive for Covid-19 on the same day," the Health

director-general said in a statement.

Dr Noor Hisham said 32 close contacts of the patient had been identified and screened for the disease.

"Of the 16 colleagues and 16 family members, one was found positive while 16 tested negative," he said, adding that the remaining results were pending.

Dr Noor Hisham said disinfection and cleaning works had been conducted at the company's premises.

"The cause of the cluster is still under investigation," he said.

Over the past 24 hours, a total of 14 new cases and four recoveries were recorded.

Of the 14 new infections, three were imported cases.

"From the 11 local infections, three are Malaysians while the rest are foreigners," he said.

Dr Noor Hisham said the two local cases were from Sarawak and one in Sabah.

"The eight cases involving foreigners are from close contacts of two positive cases earlier from the Sepang immigration depot cluster," he said, adding that they were found after another round of testing.

"These cases were from repeat tests of close contacts of the 115 detainees placed in Block C on July 10," he said.

"There is no risk of them spreading the infection to the public because they were already isolated

in the depot," he said.

Dr Noor Hisham said only two depot clusters remained active - Bukit Jalil and Sepang.

Currently, the nationwide fatalities still remain at 122 as of yesterday.

Watch the video
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'Staying indoors does not increase vulnerability'

► Complying with movement restrictions does not weaken immune system: Epidemiologist

PETALING JAYA: Staying at home for a few months during the movement control order (MCO) would not significantly increase one's vulnerability to viruses, said an epidemiologist.

Asked if lower exposure to pathogens during this period would hinder a person's ability to develop defences against viruses, germs and other bacteria, Prof Dr Sanjay Rampal said this would not be the case as it was too short a time.

"I wouldn't say that staying at home for a few months would have made people more vulnerable to viruses and other pathogens.

"Only if a person is kept for years and years in a sterile or enclosed area will his vulnerability to viruses increase," he said yesterday.

Rampal, who is attached to the Universiti

Malaya Department of Social and Preventive Medicine, said a person's vulnerability to viruses depends on three factors: the virus' characteristics, the individual's (host) characteristics and the environment.

"Staying at home does not affect a virus' characteristics. And as long as our home environment is clean, it will not lead to the spread of viruses.

"A person's immune system is affected by many factors such as physical activity, stress, diet and nutrition, and pre-existing conditions such as diabetes, heart and lung diseases.

"Although changes in physical activity or diet during the MCO may have affected people's immunity, the extent and effects of these changes are questionable and have not

been established."

However, Malaysian Medical Association president Dr N. Ganabaskaran said in general, being sedentary indoors for long periods could weaken a person's immune system and as a result increase his vulnerability to attacks from pathogens.

"The immune system is responsible for attacking pathogens and destroying them."

Ganabaskaran said strengthening the immune system involves more than just quality rest, staying hydrated and observing a healthy diet.

"The body also needs light to moderate exercise daily as well as moderate exposure to the sun for absorption of vitamin D.

Deficiency in this vitamin is associated with increased susceptibility to infections."



KEEPING TABS ... Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa visiting the Dato Keramat wet market yesterday. —BERNAMAPIX

14 new Covid-19 cases detected

PETALING JAYA: After having reported single digit and mostly imported Covid-19 cases recently, 14 new infections were detected as of noon yesterday, with only three being imported ones.

"Of the 11 local cases, three are Malaysians while the remaining eight are foreigners," Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said.

The local infections comprised of two cases in Sarawak and one in Sabah. One of the Sarawakian cases was admitted after showing symptoms, while the other was a close contact of case 8,694.

The number of infected cases now stands at 8,718, with 77 still active and receiving treatment, he said. Four recoveries were recorded over the last 24 hours.

Noor Hisham said a new cluster in Kuching had been detected, with two positive patients reported from an engineering firm.

"The first case in the cluster was a worker at the company who received treatment at a medical centre on July 9 after experiencing breathing difficulties.

"The patient was confirmed to be Covid-19 positive. Subsequent contact tracing identified

32 of the patients' contacts who were all screened and tested. They comprised 16 family members and 16 colleagues.

"As of yesterday, one of the contacts tested positive, 16 tested negative and the ministry is awaiting test results for the remaining 15.

"The company has been sanitised and the cause of the infection is being investigated." The current death toll is 122.